

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 5 OKTOBER 2022
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 17

Subsidi kerajaankekang inflasi

DEWAN RAKYAT

Subsidi kerajaan kekang inflasi

Bernama

Kuala Lumpur

Kadar inflasi yang rendah di negara ini di dorong oleh inisiatif dan langkah proaktif kerajaan menyediakan subsidi bagi menekan inflasi serta memastikan Keluarga Malaysia tidak terlalu terbebani dengan cabaran kos sara hidup.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, pada masa ini, kadar inflasi di sekitar negara di peringkat se-rantau dan global menca-tatkan paras yang lebih tinggi berbanding Malaysia.

"Kadar inflasi di negara ini akan mencecah ke paras yang lebih tinggi iaitu sehingga 10.6 peratus sekiranya tiada intervensi dari-pada kerajaan dan kesan pe-laksanaan subsidi serta strategi di bawah Dasar Mo-netari Negara menjadikan kadar inflasi negara kekal pada paras terkawal," kata-nya.

Beliau menjawab soalan Datuk Seri Anwar Ibrahim (PH-Port Dickson) mengenai prestasi Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi dalam menangani kenaikan kadar inflasi pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat, semalam.

Nanta turut menolak dak-waan sesetengah pihak yang menyatakan subsidi kerajaan untuk beberapa barang



ALEXANDER menjawab soalan di Dewan Rakyat.



Kadar inflasi di negara ini akan mencecah ke paras yang lebih tinggi iaitu sehingga 10.6 peratus sekiranya tiada intervensi daripada kerajaan"

Alexander Nanta Linggi

keperluan asas ditarik balik, sebaliknya jumlah pemberian subsidi terus meningkat.

Dalam pada itu, beliau berkata, penubuhan Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi yang bersifat kerjasama sinergi rentas kementerian bertujuan menangani kos sara hidup dan mengawal kadar inflasi.

Antara yang dilaksanakan pasukan khas itu ialah memperluaskan program Jualan Murah Keluarga Ma-laysia melibatkan 512 kawa-nan Dewan Undangan Ne-geri dengan rakyat boleh mendapatkan barang se-hingga 20 peratus lebih mu-rah daripada harga pasaran setempat.

Harga murah itu ialah

manfaat secara langsung subsidi harga melibatkan peruntukan RM100 juta, katanya.

Nanta berkata, turut di-laksanakan ialah kawalan harga minyak masak sawit tulen kemasan botol secara harga siling bergerak ber-dasarkan harga minyak sa-wit mentah dunia.

Selain itu, kerajaan turut meneruskan kawalan har-ga ayam dan telur ayam serta pemberian subsidi penternakan sebanyak RM1.1 bilion dan memperkenalkan Menu Keluarga Malaysia di bawah inisiatif Bakul Makanan Siswa.